



جايتن فلاجرن كنتن

**JABATAN PELAJARAN KELANTAN**  
**JALAN DOKTOR,**  
**15000 KOTA BHARU,**  
**KELANTAN DARUL NAIM.**

TELEFON  
Pejabat Am : 09-741 8000  
Pengaroh : 09-741 8001  
Timb. Pengarah : 09-741 8054

FAKS : 09-748 2554  
Portal: <http://www.moe.gov.my/jpnkelantan>



Ruj. Kami : JPKn/STMK/2101/01/5 ( 36 )  
Tarikh : 1 Januari 2013

**Semua Pegawai Pelajaran Daerah**  
**Pejabat Pelajaran Daerah**  
**Negeri Kelantan**

Tuan,

**PEMASANGAN PERALATAN CUSTOMER PREMISE EQUIPMENT (CPE) 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK TUJUAN CAPAIAN AKSES INTERNET**

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat daripada *Programme Management Office (PMO)*, KPM No. Ruj: KP(PMO-ICT)100/02/01 Bil. 46 bertarikh 26 Disember 2012.

2. Bersama-sama ini disertakan surat daripada *Programme Management Office (PMO)* – Inisiatif ICT, KPM yang jelas menerangkan maksudnya.
3. Sehubungan itu, pohon kerjasama daripada pihak tuan untuk memaklumkan berhubung perkara di atas kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan tuan yang belum dapat perkhidmatan 1BestariNet pada tahun ini.
4. Kerjasama dan tindakan daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


**“ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HJH. NORIZAN BINTI HJ. MOHAMED)**  
Ketua Sektor ICT  
b.p. Pengarah Pelajaran Kelantan  
Jabatan Pelajaran Kelantan.

s.k.

- i. Pengarah Pelajaran Kelantan.
- ii. Timbalan Pengarah Pelajaran Kelantan.
- iii. Semua Ketua Sektor.
- iv. Fail.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
(Ministry of Education Malaysia)  
PROGRAMME MANAGEMENT OFFICE (PMO) INISIATIF IK  
ARAS 5, BLOK EB, PARCEL E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-88848260

Faks: 03-88848260

Web: <http://www.moe.gov.my>

"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Rujukan Kami: KP(PMO-ICT)100/02/01( 46 )

Tarikh : 26 Disember 2012

Semua Pengarah Pelajaran Negeri  
Kementerian Pelajaran Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMASANGAN PERALATAN CUSTOMER PREMISE EQUIPMENT (CPE)  
1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH MALAYSIA BAGI TUJUAN  
CAPAIAN AKSES INTERNET**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran (KPM) telah memulakan pelaksanaan Projek Perkhidmatan 1BestariNet di semua sekolah seluruh Malaysia pada bulan Disember 2011 dan sasaran pemasangan untuk disempurnakan ke semua sekolah ialah pada bulan Mac 2013. Projek ini adalah merupakan perkhidmatan rangkaian akses internet "end to end" bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan pentadbiran bagi semua sekolah.

3. Walau bagaimanapun untuk memastikan pelan pemasangan 1BestariNet ke semua sekolah boleh dilaksanakan dengan segera serta memastikan sekolah mendapat akses internet khususnya dalam masa terdekat ini, maka pihak KPM telah mengeluarkan arahan kepada pihak pembekal untuk membuat pemasangan dengan segera ke sekolah-sekolah yang telah mempunyai liputan sedia ada. Sayugia diingatkan bahawa pemasangan dalam tempoh ini adalah bertujuan untuk memberikan capaian akses internet kepada pihak sekolah. Sebarang masalah berkaitan dengan pemasangan CPE tersebut bolehlah dirujuk kepada *Programme Management Office* (PMO Inisiatif ICT), KPM. Pihak sekolah hanya perlu mengesahkan penerimaan pemasangan peralatan CPE tersebut dan pihak YTLCC akan hadir ke sekolah bagi tujuan semakan semula untuk tujuan pengesahan pemasangan dan penyenggaraan.

4. Sehubungan itu pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua sekolah di Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing tentang pelaksanaan perkara ini serta memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi memastikan proses pelaksanaannya berjalan lancar dan sempurna.

KS ICT-tindakan

HAI HUSSAIN BIN AWANG  
Pengarah Pelajaran Kelantan  
Jabatan Pelajaran Kelantan.

PP(T)

Segenakan edaran  
surat ini kpd  
sekolah² melalui  
PPO. Terima.

11/1/2013

Hjh. Norizan Binti Hj. Mohamed  
Ketua Sektor ICT  
Jabatan Pelajaran Kelantan

5. Segala kerjasama dan lindakan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk makluman.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZAIDI BIN MOHD MUSTAPA)**

Sekretariat

Programme Management Office (Inisiatif ICT)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia

*zaidi.mustapa@moe.gov.my*

s.k.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (SDPP)

Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan maklumat

Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset

Pengarah Eksekutif, YTL Communications Sdn Bhd